



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi
i

HUBUNGAN PROGRAM PENDIDIKAN KETENTERAAN DENGAN AMALAN KEROHANIAN ANGGOTA TENTERA MALAYSIA

NADZRI BIN MUSNMAN

TESIS DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI SYARAT BAGI
MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(PENDIDIKAN ISLAM)



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



(MOD PENYELIDIKAN)
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

FAKULTI SAINS DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2017



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



HUBUNGAN PROGRAM PENDIDIKAN KETENTERAAN DENGAN AMALAN KEROHANIAN ANGGOTA TENTERA MALAYSIA

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan menilai pelaksanaan Program Pendidikan Ketenteraan yang terdapat dalam Perintah Majlis Angkatan Tentera PMAT 9/91 dan hubungannya dengan amalan kerohanian anggota tentera Malaysia. Reka bentuk kajian menggunakan kaedah kuantitatif dengan melibatkan anggota Angkatan Tentera Malaysia sama ada pegawai dan anggota Lain-Lain Pangkat. Kajian ini menggunakan 381 sampel yang terdiri daripada anggota ATM di ketiga-tiga perkhidmatan; Darat, Laut dan Udara di seluruh Malaysia. Dua instrumen kajian dibina sendiri oleh penyelidik iaitu soal selidik berkaitan dengan Program Pendidikan Ketenteraan dan amalan kerohanian anggota tentera. Data kuantitatif daripada dua set soal selidik dianalisis menggunakan *Statistical Package For Sosial Science (SPSS)* untuk mendapatkan kekerapan, peratus, min dan sisihan piawai Ujian t-Test, ANOVA dan Korelasi Pearson. Dapatan kajian pada keseluruhannya menunjukkan tahap pelaksanaan Program Pendidikan Ketenteraan berada pada tahap sederhana tinggi. Penghayatan amalan kerohanian anggota ATM juga berada pada tahap sederhana tinggi. Analisis inferensi terhadap 17 hipotesis mendapati sepuluh daripada hipotesis diterima dan tujuh hipotesis yang lainnya ditolak.

Analisis korelasi pula menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara Program Pendidikan Ketenteraan dengan penghayatan amalan kerohanian anggota ATM ($r=0.627$, $p<0.05$). Kajian ini membawa kepada implikasi perubahan inkremental dalam keseluruhan Program Pendidikan Ketenteraan dan penghayatan amalan kerohanian kecuali dua elemen dalam Program Pendidikan Ketenteraan iaitu Program Pendidikan Mental dan Program Pendidikan Kemasyarakatan yang hanya memerlukan kepada perubahan homeostatik.





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
v

RELATIONS BETWEEN MILITARY EDUCATION AND SPIRITUAL PRACTICE OF THE MALAYSIAN ARMED PERSONNELS

ABSTRACT

This study aims to evaluate the implementation of the Military Education Program enclosed in the Armed Forces Instruction PMAT 9/91 and its relation with the spiritual practice of the Malaysian Armed Forces personnel. The research design used a quantitative method involving ATM personnel in obtaining the necessary data both officers and other ranks. This study incorporates 381 samples of ATM personnel of three services; Army, Navy and Air Forces around Malaysia. Two instruments were developed/proposed by the researcher; that are questionnaires related to the Military Education Program (MED) and spiritual practice of ATM personnel. Quantitative data from the two sets of questionnaires were analyzed using the Statistical Package for Social Sciences (SPSS) to identify the frequency, percentage, mean, standard deviation, t-Test, ANOVA and Pearson Correlation. The overall findings show that the implementation of MED is moderately high. The finding for the appreciation of the spiritual practice of ATM personnel is also moderately high. Inferential analysis of 17 hypotheses has identified ten accepted hypotheses and the remaining seven were rejected. Correlation analysis then shows a significant relationship between the MED with the internalizing of the spiritual practice of the ATM personnel ($r = 0.627$, $p < 0.05$). This study has led to the implication of incremental changes in the overall programs of the Military Education Program and the internalization of spiritual practice except two elements in MED which are Mental Education Programs and Society Education Program, which only need homeostatic transformation.



05-4506832

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

tbupsi



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



KANDUNGAN

	Halaman
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	x
SENARAI SINGKATAN	xiii

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan	1
----------------	---



1.3 Pernyataan Masalah	9
------------------------	---

1.4 Kerangka Teori Kajian	16
---------------------------	----

1.5 Kerangka Konseptual Kajian	20
--------------------------------	----

1.6 Objektif Kajian	24
---------------------	----

1.6.1 Mengenalpasti Tahap Pelaksanaan Program
Pendidikan Ketenteraan yang dilaksanakan
dalam ATM

1.6.2 Mengenalpasti Tahap Pelaksanaan Penghayatan
Kerohanian anggota ATM.

1.6.3 Mengenalpasti Perbezaan Pendidikan
Ketenteraan Mengikut Demografi Anggota ATM

1.6.4 Mengenalpasti Perbezaan Penghayatan
Kerohanian Mengikut Demografi Anggota ATM

1.6.5 Mengenalpasti Hubungan Pendidikan





Ketenteraan Dengan Penghayatan Amalan Kerohanian Anggota ATM.

1.7 Soalan Kajian	25
1.8 Hipotesis Kajian	26
1.9 Kepentingan Kajian	28
1.10 Batasan Kajian	29
1.11 Definisi Operasi Kajian	30
1.11.1 Program Pendidikan Ketenteraan	
1.11.2 Perintah Majlis Angkatan Tentera	
1.11.3 Penghayatan Amalan Kerohanian	
1.11.4 Anggota Tentera	34
1.12 Penutup	35



BAB 2. TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pendahuluan	36
2.2 Ketenteraan Zaman Rasulullah	39
2.3 Sejarah Angkatan Tentera Malaysia	44
2.4 Sejarah Kor Agama Angkatan Tentera Malaysia	52
2.5 Peranan Angkatan Tentera Malaysia dan Kor Agama Angkatan Tentera	54
2.6 Pendidikan Ketenteraan Ketenteraan	58
2.6.1 Persiapan Dari Aspek Spiritual	60
2.6.2 Persiapan Dari Aspek Intelektual	62
2.6.3 Persiapan Dari Aspek Mental	63
2.6.4 Persiapan Dari Aspek Fizikal	63
2.6.5 Persiapan Dari Aspek Material	65
2.6.6 Persiapan Dari Aspek Kemasyarakatan dan Sosial	65





2.7 Penghayatan Kerohanian	66
2.8 Kajian-Kajian Lepas	71
2.9 Penutup	74

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pendahuluan	76
3.2 Rekabentuk kajian	76
3.3 Lokasi Kajian	78
3.4 Populasi	78
3.5 Sampel dan Kaedah Persampelan	79
3.6 Instrumen Kajian	81
3.6.1 Soal Selidik	82
3.6.1.1 Soal Selidik anggota ATM	84
3.6.2 Temu bual	86



3.7 Kesahan Instrumen Kajian	87
3.8 Kajian Rintis	89
3.9 Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	90
3.10 Kaedah Penganalisaan Data	92
3.10.1 Pengumpulan Soal Selidik	92
3.11 Tatacara Analisis Data	93
3.11.1 Analisis data kuantitatif	93
3.12 Penutup	97

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1 Pendahuluan	98
4.2 Profil Responden Kajian	99
4.3 Analisis Dapatan Deskriptif	102
4.3.1 Mengenalpasti Tahap Pelaksanaan Program Pendidikan Spiritual Anggota ATM	104





4.3.2 Mengenalpasti Tahap Pelaksanaan Program Pendidikan Intelektual Anggota ATM	107
4.3.3 Mengenalpasti Tahap Pelaksanaan Program Pendidikan Mental Anggota ATM	111
4.3.4 Mengenalpasti Tahap Pelaksanaan Program Pendidikan Fizikal Anggota ATM	114
4.3.5 Mengenalpasti Tahap Pelaksanaan Program Pendidikan Kemasyarakatan Anggota ATM	118
4.4. Penghayatan Amalan Kerohanian Anggota ATM	121
4.4.1 Penghayatan Amalan Kerohanian Anggota ATM Melalui Hubungan dengan Allah SWT	122
4.4.2 Penghayatan Amalan Kerohanian Anggota ATM Melalui Hubungan dengan Manusia	126
4.4.3 Penghayatan Amalan Kerohanian Anggota ATM Melalui Hubungan dengan Diri Sendiri	132



4.5.1 Analisis Perbezaan	
4.5.1.1 Analisis Perbezaan Berdasarkan Demografi Pangkat dan Perkhidmatan	139
4.7 Analisis Perbezaaan Penghayatan Amalan Kerohanian Mengikut Demografi Anggota ATM	154
4.8 Hubungan Program Pendidikan Ketenteraan dengan Penghayatan Amalan Kerohanian Anggota ATM	161
4.8.1 Analisis Korelasi	161
4.9 Penutup	163

BAB 5 PERBINCANGAN DAN CADANGAN

5.1 Pendahuluan	164
5.2 Ringkasan Kajian	165
5.3 Perbincangan Dapatan Kajian	168
5.3.1 Penilaian Pendidikan Ketenteraan	168





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
X

5.3.1.1 Pendidikan Spritual	169
-----------------------------	-----

5.3.1.2 Pendidikan Intelektual	171
--------------------------------	-----

5.3.1.3 Pendidikan Mental	172
---------------------------	-----

5.3.1.4 Pendidikan Fizikal	174
----------------------------	-----

5.3.1.5 Pendidikan Kemasyarakatan	175
-----------------------------------	-----

5.3.1.6 Keseluruhan Penilaian	176
-------------------------------	-----

5.3.2 Penilaian Amalan Kerohanian	178
-----------------------------------	-----

5.3.2.1 Hubungan dengan Allah	179
-------------------------------	-----

5.3.2.2 Hubungan dengan Manusia	182
---------------------------------	-----

5.3.2.3 Hubungan dengan Diri Sendiri	183
--------------------------------------	-----

5.4 Implikasi Kajian	185
----------------------	-----



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
185

5.5 Cadangan

5.5.1 Memperkasakan Dasar Pembinaan Mental dan Kerohanian Islam (DPMKI)	186
--	-----

5.5.2 Menyepadukan Pendidikan Ketenteraan	190
---	-----

5.5.3 Memperkuuhkan Penghayatan Amalan Kerohanian Anggota ATM	193
--	-----

5.6 Kesimpulan	197
----------------	-----



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



SENARAI JADUAL

No. Jadual	Halaman
1.1 Aktiviti dan jumlah jam pelaksanaan DPMKI	8
1.2 Statistik salah laku anggota ATM Jul- Sep 2012	11
3.1 Sampel keseluruhan kajian penilaian kurikulum	80
3.2 Soalan kajian dan pembahagian instrumen kepada responden	81
3.3 Skala Likert Lima Mata	83
3.4 Skala Likert Lima Mata	84
3.5 Instrumen anggota ATM Bahagian I	84
3.6 Item Pendidikan Ketenteraan	85
3.7 Item Penghayatan Amalan Kerohanian	86
3.8 Klasifikasi Indeks Kebolehpercayaan	90
3.9 Nilai Pekali Kebolehpercayaan Alpha Cronbach	91
3.10 Interpretasi Min Dimensi Tingkah Laku Aktif	94
3.11 Gandingan Interpretasi Min Nunally (1978) dan bentuk perubahan Stufflebeam	95
3.12 Nilai Pekali Korelasi	97
4.1 Profil Responden	101
4.2 Interpretasi Skor Min	102
4.3 Program Pendidikan Spritual	104
4.4 Program Pendidikan Intelektual	108
4.5 Program Pendidikan Mental	112
4.6 Program Pendidikan Fizikal	115
4.7 Program Pendidikan Kemasyarakatan	119
4.8 Tahap Pelaksanaan Program Pendidikan Ketenteraan	121
4.9 Penghayatan amalan anggota ATM melalui hubungan dengan Allah	123
4.10 Penghayatan amalan anggota ATM melalui hubungan dengan manusia	127





4.11	Penghayatan amalan anggota ATM melalui hubungan dengan diri sendiri	133
4.12	Penghayatan Amalan Kerohanian	137
4.13	Anova Sehala Pencapaian Program Pendidikan Spritual Berdasarkan Pangkat	140
4.14	Anova Sehala Pencapaian Program Pendidikan Spritual Berdasarkan Perkhidmatan	141
4.15	Ujian Post Hoc Scheffe Tahap Program Pencapaian Pendidikan Spritual Berdasarkan Perkhidmatan	142
4.16	Anova Sehala Pencapaian Program Pendidikan Intelektual Berdasarkan Pangkat	143
4.17	Ujian Post Hoc Scheffe Tahap Program Pencapaian Pendidikan Intelektual Berdasarkan Pangkat	144
4.18	Anova Sehala Pencapaian Program Pendidikan Intelektual Berdasarkan Perkhidmatan	145
4.19	Ujian Post Hoc Scheffe Tahap Pencapaian Program Pendidikan Intelektual Berdasarkan Perkhidmatan	146
4.20	Anova Sehala Pencapaian Program Pendidikan Mental Berdasarkan Pangkat	147
4.21	Anova Sehala Pencapaian Program Pendidikan Mental Berdasarkan Perkhidmatan	148
4.22	Anova Sehala Pencapaian Program Pendidikan Fizikal Berdasarkan Pangkat	149
4.23	Ujian Post Hoc Scheffe Tahap Program Pencapaian Pendidikan Fizikal Berdasarkan Pangkat	149
4.24	Anova Sehala Pencapaian Pendidikan Fizikal Berdasarkan Perkhidmatan Anggota ATM	150
4.25	Ujian Post Hoc Scheffe Tahap Pencapaian Program Pendidikan Fizikal Berdasarkan Perkhidmatan Anggota ATM	151
4.26	Anova Sehala Pencapaian Pendidikan Kemasyarakatan Berdasarkan Pangkat	152
4.27	Anova Sehala Pencapaian Pendidikan kemasyarakatan berdasarkan Perkhidmatan Anggota ATM	153
4.28	Ujian –T Perbezaan Amalan Kerohanian Dengan Status	154





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun

ptbupsi
xiii

4.29	Ujian –T Perbezaan Amalan Kerohanian Dengan Jantina	155
4.30	Anova Sehala Pencapaian Penghayatan Amalan Kerohanian Berdasarkan Perkhidmatan	156
4.31	Anova Sehala Pencapaian Penghayatan Amalan Kerohanian Berdasarkan Pangkat	157
4.32	Ujian Post Hoc Scheffe Tahap Penghayatan Amalan Dengan Pangkat Anggota ATM	158
4.33	Anova Sehala Pencapaian Penghayatan Amalan Kerohanian Berdasarkan Tempoh Perkhidmatan	159
4.34	Ujian Post Hoc Scheffe Tahap Pencapaian Penghayatan Amalan Kerohanian Berdasarkan Tempoh Perkhidmatan	159
4.35	Anova Sehala Pencapaian Penghayatan Amalan Kerohanian Berdasarkan Kelayakan Pendidikan Anggota ATM	160
4.36	Korelasi Antara Pendidikan Ketenteraan Dan Penghayatan Amalan Kerohanian Anggota ATM	162



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi
xiv

SENARAI SINGKATAN

ATM	Angkatan Tentera Malaysia
BAKAT	Badan Kebajikan Isteri Anggota Tentera
DPMKI	Dasar Pembinaan Mental dan Kerohanian Islam
KAGAT	Kor Agama Angkatan Tentera
LLP	Lain-Lain Pangkat
PMAT	Perintah Majlis Angkatan Tentera
TDM	Tentera Darat Malaysia
TLDM	Tentera Laut Di Raja Malaysia
TUDM	Tentera Udara Di Raja Malaysia



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



upsi

BAB 1

PENDAHULUAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

1.1 Pengenalan

Angkatan Tentera Malaysia perlu mempunyai keupayaan dan kebolehpercayaan yang tinggi untuk menentukan keutuhan, kedaulatan dan keselamatan negara daripada sebarang bentuk ancaman. Bagi memastikan keupayaan ini tercapai, maka pendidikan kepada anggota ATM perlu dilaksanakan agar mereka mampu merealisasikan visi dan misi yang ditetapkan. Rasulullah SAW telah mempersiapkan para sahabat sebelum mereka terjun ke medan peperangan dengan pendidikan akidah yang kukuh iaitu iman yang sebenarnya kepada Allah dan kecintaan yang sungguh-sungguh terhadap agamaNya sehingga lahir satu generasi yang bersedia menerima apa sahaja arahan dan



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



perintah untuk dilaksanakan, sedia berkorban di jalan Allah SWT sama ada menang atau syahid serta bersedia untuk mengisi kemenangan tersebut dengan perintah Allah SWT (Ahmad Adnan Fadzil, 2001). Justeru itu, bagi memastikan anggota ATM mampu bersedia menghadapi segala kemungkinan, Pendidikan Ketenteraan atau “Tarbiah Askariyah” amat diperlukan kerana ia merupakan di antara faktor kepada kekuatan sesebuah angkatan tentera (Muhammad as-Sayyid al-Wakil, 1988). Runtuh dan jatuhnya sesebuah negara adalah melambangkan kelemahan dan kerapuhan pertahanan negara tersebut sedangkan pertahanan serta keamanan merupakan keperluan yang penting bagi setiap manusia dan masyarakat dalam sesebuah negara.

Tarbiah yang berasal daripada perkataan “*Rabba*” yang membawa erti mengasuh, memelihara atau memimpin. Kaitannya dengan proses pembinaan anggota



Rasulullah SAW telah berjaya melahirkan para sahabat yang sanggup berkorban apa sahaja demi melihat syariat Islam diaplikasikan dalam kehidupan keseluruhan manusia (Abdullah Ishak, 1995). Oleh yang demikian, usaha-usaha untuk membentuk anggota tentera yang boleh memahami tugas mereka dengan berkesan dan dalam masa yang sama menjadi hamba Allah yang taat, memerlukan usaha dakwah dan pendidikan yang berterusan (Bashmil, 1989). Anshori Umar dan H. Abu Ahmadi (1984) menyatakan kehidupan ini tidak sentiasa tunduk menurut nafsu dan keinginan manusia, maka adalah amat perlu untuk mendidik manusia termasuklah anggota tentera dengan didikan yang sempurna.





As-Sayyid Muhammad as-Sayyid Nuh (1991) menyatakan, proses pendidikan dimulakan dengan mengenal Allah SWT dan diikuti dengan pendidikan yang menguatkan hati para pejuang untuk sentiasa bersiap sedia menghadapi apa sahaja kemungkinan yang akan berlaku. Mustafa Ahmad Kamal (1990), apabila aspek pendidikan ini diberi penekanan maka ia akan memberikan impak atau kesan kepada individu termasuk seorang anggota tentera dengan ciri berikut:

- a. Berkeupayaan untuk melaksanakan apa sahaja kewajipan walaupun akan menempuh pelbagai kepayahan terutamanya yang melibatkan perang dan kewajipan lain sebagai seorang anggota tentera.
- b. Melaksanakan segala arahan dengan kefahaman yang baik dan seterusnya menjadi seorang muslim yang sejati.
- c. Terhasilnya hubungan yang baik sesama individu dalam sesebuah organisasi khususnya organisasi ketenteraan.



Khalid Ahmad Syantut (2003) memberikan pandangan bahawa peranan tarbiah atau pendidikan adalah dengan mendidik individu sesuai dengan arah perubahan yang dikehendaki. Mempersiapkan seorang anggota tentera sesuai dengan tuntutan perkhidmatan, khususnya yang berkait dengan kemajuan dan perubahan masyarakat atau dunia adalah amat perlu bagi memastikan peranan anggota tentera untuk memastikan keselamatan negara terus terpelihara. Elemen tarbiah atau pendidikan yang diutarakan oleh Khalid Ahmad Syantut ialah *Tarbiah Ruhiah* (Pendidikan Spritual), *Tarbiah Fikriah* (Pendidikan Intelektual), *Tarbiah Nafsiah* (Pendidikan Mental), *Tarbiah Badaniah* (Pendidikan Fizikal) dan *Tarbiah Ijtimaiah* (Pendidikan Sosial/Kemasyarakatan) dan kelima-limanya perlu disepadukan bagi menghasilkan anggota tentera yang dinamik dan mampu menghadapi perubahan yang berlaku.





Bagi seorang anggota tentera, selain pendidikan atau latihan yang berbentuk fizikal, pendidikan rohani mereka perlu diberi perhatian agar mereka mampu melaksanakan tanggungjawab sebagai seorang hamba Allah dengan baik. Pelaksanaan pendidikan khususnya Pendidikan Islam pula perlu menekankan tiga perkara iaitu *Ta'alim*, *Ta'adib* dan *Tarbiah* (Zawawi Ahmad, 1996). *Ta'alim* adalah proses pemindahan maklumat kepada seseorang, *Ta'adib* pembentukan disiplin serta sikap manakala *Tarbiah* ialah mewujudkan suasana pembelajaran yang aktif dan kondusif kearah penghayatan ilmu melalui disiplin yang telah diadakan. Proses untuk melahirkan anggota tentera yang konkret ini boleh terhasil melalui usaha yang positif dan kreatif termasuklah dalam bidang pendidikan (Abdul Qadir Djelani, 2001).

Justeru itu, pelbagai program pendidikan telah diperkenalkan oleh ATM bagi memastikan semua anggota ATM mendapat pendidikan yang sebaiknya bagi



secara berterusan kerana terdapat elemen-elemen yang boleh mempengaruhi dan menghalang seorang anggota tentera untuk menghayati amalan-amalan yang telah disyariatkan di dalam Islam.

1.2 Latar Belakang Kajian

Manusia mempunyai dua sifat iaitu baik dan jahat. Pengaruh persekitaran, masyarakat dan pendidikan, merupakan faktor pengubah manusia ke arah sifat baik atau jahat (Ibnu Khaldun, 1993). Persekitaran yang baik adalah jika sekiranya berlandaskan kepada prinsip-prinsip Syariat Islam yang terpelihara dan dilindungi oleh Allah SWT. Hisyam Soqr (1998) menyatakan pemeliharaan tidak hanya cukup dengan terpeliharanya Syariat Islam tetapi hendaklah ia dihayati oleh inividu termasuklah anggota tentera





sehingga mereka berperanan di dalam masyarakat dan menjadi contoh teladan kepada masyarakat.

Menyedari hakikat pendidikan berbentuk mental dan kerohanian diperlukan oleh setiap manusia, ATM telah memperkenalkan Dasar Pembinaan Mental dan Kerohanian Islam dan telah diluluskan oleh Perintah Majlis Angkatan Tentera pada tahun 1991 (DPMKI-PMAT 9/91). Setiap anggota tentera wajib mengikuti program pendidikan khas berbentuk mental dan spiritual agar mereka memiliki pemikiran Islam yang matang, mantap dan bersih daripada sebarang unsur negatif serta terpelihara dari dipengaruhi aliran pemikiran salah yang menyeleweng daripada ajaran Islam sebenar. Dasar tersebut juga memfokuskan aspek pengawalan terhadap unsur dan pengaruh yang berpotensi mengancam pembinaan ketahanan mental dan kerohanian anggota dengan menguatkuasakan arahan kepada semua formasi dan pasukan ATM supaya anggota mengamalkan ajaran yang mempunyai sandaran yang sah dan disepakati ulama yang muktabar (Jaafar bin Awang, dll, 2012).

Aktiviti kerohanian yang ditetapkan di dasar ini adalah bertujuan untuk memastikan aspek kerohanian anggota ATM sentiasa terpelihara dengan amal ibadat yang bertepatan dengan kehendak Islam. Bekas Panglima Tentera Darat Malaysia, Tan Sri Ismail bin Jamaluddin telah menegaskan di dalam perintah ulung pelantikannya sebagai Panglima Tentera Darat Malaysia; “*bagi memastikan nilai-nilai rohani yang mantap berhasil diwujudkan di kalangan anggota tentera, formula yang benar-benar berkeupayaan melahirkan anggota tentera yang hebat perlu diwujudkan. Pelbagai teori telah dikemukakan bagi memastikan seseorang anggota tentera berperanan melaksanakan tanggungjawabnya apabila berada di medan perang, semasa latihan*





dan operasi mahupun semasa dalam keadaan aman. Dalam konteks latihan dalam Pasukan Tentera Darat, dan untuk membina profesionalisme dan pembangunan insan, aspek latihan berunsur kerohanian hendaklah dititik beratkan. Aspek ini penting bagi mengukuhkan landasan latihan supaya lebih berkesan” (Berita Tentera Darat, Bil. 256, Mac 2010). Berdasarkan kepada keperluan Pendidikan Ketenteraan ini, maka sudah tentu elemen-elemen mental, fizikal dan spiritual perlu disepadukan di samping mewujudkan persekitaran yang baik untuk memastikan anggota tentera yang beriman dan beramal dihasilkan sebagaimana yang dikehendaki dalam Islam.

Dasar Pembinaan Mental dan Kerohanian Islam (DPMKI-PMAT 9/91)

merupakan suatu dasar penting bagi pembangunan sumber manusia ATM manakala

Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT) adalah salah satu organisasi dalam ATM yang



melaksanakan tanggungjawabnya memastikan pendidikan spiritual dan mental dilaksanakan. Kesepaduan pendidikan ketenteraan amat diperlukan untuk menghasilkan anggota tentera yang sanggup berkorban dan rela berjuang dan di antara pendidikan yang perlu ditekankan ialah pendidikan kerohanian. Bagi memastikan nilai-nilai rohani yang mantap berhasil diwujudkan di kalangan anggota tentera, formula yang benar-benar berkeupayaan melahirkan anggota tentera yang hebat perlu diwujudkan. Pelbagai teori telah dikemukakan bagi memastikan seseorang anggota tentera berperanan melaksanakan tanggungjawabnya apabila berada di medan perang, semasa latihan dan operasi mahupun semasa dalam keadaan aman. Jeneral Tan Sri Ismail bin Jamaluddin, telah menegaskan: “*Dalam konteks latihan dalam Pasukan Tentera Darat, dan untuk membina profesionalisme dan pembangunan insan, aspek latihan berunsur kerohanian hendaklah dititik beratkan. Aspek ini penting bagi*





mengukuhkan landasan latihan supaya lebih berkesan” (Berita Tentera Darat, Bil.256 Mac, 2010).

Dasar Pembinaan Mental dan Kerohanian Islam (DPMKI-PMAT 9/91) adalah salah satu daripada elemen tarbiah atau pendidikan dalam ATM selain daripada latihan fizikal dan pendidikan intelektual yang perlu dilalui oleh seorang anggota tentera. Selama 22 tahun DPMKI-PMAT 9/91 ini diperkenalkan dan dilaksanakan kepada anggota tentera dan sudah tentunya banyak kelebihan dan kekurangan yang terhasil melaluinya khususnya dalam penghayatan kerohanian anggota ATM. Berdasarkan kepada jumlah jam sebanyak 857 jam dan aktiviti kerohanian yang ditetapkan di dalam PMAT 9/91, adakah ianya mampu mempengaruhi penghayatan aspek kerohanian kepada anggota tentera sehingga dapat melaksanakan tuntutan-tuntutan syariat Islam



dengan baik sedangkan Muhammad Qutb (1997), menjelaskan Pendidikan Ketenteraan hendaklah memberikan eksistensi manusia secara komprehensif yang meliputi fizikal, intelekual dan spiritual.

DPMKI-PMAT 9/91 telah dilaksanakan kepada anggota ATM melalui arahan-arahan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa bagi memastikan pelaksanaannya dipatuhi. Dua bentuk pembinaan yang ditekan di dalam DPMKI-PMAT 9/91 ini ialah:

- a. **Pembinaan Ketahanan Mental.** Ia dilaksanakan melalui pengisian ilmu pengetahuan Islam yang mencakupi ilmu Fardhu Ain dan ilmu Fardhu Kifayah. Formasi dan Pasukan bertanggungjawab untuk menyediakan masa selama 857 jam bagi pendidikan ketahanan mental yang merangkumi pendidikan; Asas Fardhu Ain, Asas Fardhu Kifayah, Jihad, Kekeluargaan,





Akhlik, Kepimpinan, al-Quran dan Sunnah, Ibadah, Tamadun Islam dan Tasawwur Islam.

b. **Pembinaan Ketahanan Spritual.** Ia dilakukan melalui kaedah latihan penghayatan amal Islami yang sahih dan tepat melalui bimbingan anggota KAGAT. Kaedah latihan ini terdiri daripada aktiviti-aktiviti seperti amalan bacaan Ma'thurat, Qiamullail, Halaqah Zikir, Tilawah al-Quran, Solat Fardhu dan Solat Berjemaah.

Berikut adalah jadual yang berkaitan dengan apa yang perlu dilaksanakan oleh ATM dalam DPMKI-PMAT9/91:

Jadual 1.1

Jadual aktiviti dan jumlah jam pelaksanaan DPMKI

BIL	PROGRAM PENDIDIKAN	JAM	MINGGU/HARI/ KALI	JUMLAH JAM
1.	Aktiviti Tetap Malam Jumaat	1	52 Minggu	52 Jam
2.	Khutbah Jumaat	1	52 Minggu	52 Jam
3.	Khutbah Dua Hari Raya dan Takbir	2	2 Hari	
4.	Ceramah Hari Kebesaran Islam	2	9 Hari	18 Jam
5.	Khatam Al-Quran	2	1 Hari	2 Jam
6.	Sembahyang Berjemaah	1	365 hari	365 Jam
7.	Khemah Ibadah	3	2 Hari	6 Jam
8.	Qiamullail	12	1 Kali	12 Jam
9.	Tarawikh Bulan Ramadhan	1	30 kali	30 Jam
10.	Tahli Harijadi	2	2 Kali	4 Jam





a. Harijadi ATM

b. Harijadi Pasukan

11. Kelas-Kelas Pengajian di Surau/Masjid Selepas Maghrib 3 52 Minggu 156 Jam

12. Kelas Pengajian Tambahan (Formal – Diatur oleh Pasukan) 2 52 Minggu 104 Jam

13 Bacaan Risalah-Risalah Agama 1 52 Minggu 52 Jam

JUMLAH BESAR **857 Jam**

1.3 Pernyataan Masalah

Angkatan Tentera Malaysia (ATM) mempunyai visi dan misi yang jelas dalam melaksanakan tanggungjawabnya. Visi ATM adalah untuk menjadi Angkatan Tentera yang kredibel manakala misinya pula adalah untuk melindungi kedaulatan, integriti dan kepentingan negara semasa aman (*Peace Time*), tegang (*Period of Tension*) dan perang (*Hostility*). (Laporan Tahunan 2011 Angkatan Tentera Malaysia).

Peranan yang dilakukan oleh KAGAT dalam ATM adalah untuk memastikan perkhidmatan keagamaan dan latihan yang merangkumi latihan Islam dapat menghasilkan penghayatan Islam di kalangan anggota ATM. Melalui latihan dan program keagamaan yang telah ditetapkan khususnya Dasar Pembinaan Mental dan Kerohanian Islam ATM 9/91, anggota ATM akan dapat kesan positif terhadap pembinaan kekuatan spiritual dan kekuatan tempur sehingga mampu melaksanakan tanggungjawab mempertahankan keselamatan dan kedaulatan negara. Penugasan yang





dipertanggungjawabkan kepada anggota ATM merupakan satu amanah yang berat dan memerlukan kepada kekuatan fizikal, kematangan mental dan penghayatan spiritual.

Melalui perkhidmatan keagamaan dan latihan yang berterusan, Pengurusan Atasan ATM mengharapkan anggota ATM mempunyai penghayatan tinggi terhadap amalan agama Islam serta mempunyai akhlak yang tinggi. Integriti di kalangan anggota ATM juga amat dititik beratkan dalam pengurusan ATM yang melibatkan Integriti Individu, Integriti Organisasi dan Integriti Warga ATM. Manakala faktor yang menjelaskan integriti boleh dianalisis menurut 5 kategori iaitu individu, kepimpinan, sistem dan prosedur, struktur dan institusi dan juga budaya. Walaubagaimanapun masih juga terdapat anggota tentera yang terlibat dengan kesalahan jenayah seperti merompak, mencuri, khalwat, minum arak, berjudi, bunuh diri dan kesalahan lain. Pada masa yang sama menularnya rasuah, ketidakcekapan, penyelewengan, salah guna kuasa, penipuan dan perlakuan tidak beretika yang lain serta berkurangnya semangat kerja adalah manifestasi kemerosotan integriti individu, organisasi, masyarakat dan negara. (Buku Pelan Integriti ATM, 2013).

Kelemahan individu merupakan salah satu faktor yang amat penting menyebab kepada kemerosotan integriti. Individu yang lemah didikan agama dan penghayatan nilai-nilai murni, lemah disiplin diri dan etika kerja serta tamak dan mementingkan diri sendiri selain hanya melihat kesalahan orang lain dan tidak memeriksa kelemahan diri sendiri; merupakan di antara faktor nilai integriti akan hilang. Kelemahan ini akan menjadi punca kepada ketidakcekapan yang menyumbang kepada kelembapan organisasi melaksanakan tanggungjawabnya (Zaidi bin Zakaria, 2010).





Selain dari isu integriti, kesalahan jenayah di kalangan anggota ATM juga adalah di antara permasalahan yang berlaku dalam ATM. Tingkah laku negatif seseorang anggota tentera itu bukan semata-mata disebabkan kesalahan sendiri malah persekitaran situasi organisasi dan tempat berkhidmat juga turut mempengaruhi. Terdapat pelbagai punca berlakunya kejadian yang menyebabkan seseorang anggota tentera terlibat di dalam kesalahan jenayah di antaranya; pengaruh rakan, persekitaran masyarakat, arak dan perjudian, kurang pengawasan, beban hutang, kepincangan rumah tangga, pengaruh media, pengaruh sosial, masalah pentadbiran, kurang motivasi, peluang melakukan jenayah, penyalahgunaan dan penagihan dadah, kekurangan pendidikan dan pengetahuan agama dan yang lain lagi (Zahmi Zainol Abidin, 2011). Sebagai contohnya laporan yang telah dikeluarkan oleh Buletin Provos Marshal ATM bagi suku tahun ketiga 2012 (Jul hingga Sep 2012) sejumlah 354 kes melibatkan 438 anggota ATM telah disyaki terlibat dalam kes jenayah, kesalahan moral dan agama, kesalahan keutuhan tadbir urus, dadah dan Tidak Hadir Tanpa Cuti (THTC). Pecahannya adalah seperti berikut:

Jadual 1.2

Statistik Kes Salah Laku anggota ATM Jul-Sep 2012

Bil	Kes	Bilangan Anggota
1.	Kes Jenayah	61 anggota
2.	Kes Kesalahan Moral dan Agama	26 anggota
3.	Kes Kesalahan Keutuhan Tadbir Urus	5 anggota
4.	Kes Penyalahgunaan Dadah	115 anggota
5.	Tidak Hadir Tanpa Cuti (THTC)	149 anggota
Jumlah		438 anggota





Berdasarkan statistik yang wujud, penglibatan anggota ATM dalam kes-kes yang dinyatakan khusus penyalahgunaan dadah perlu diambil perhatian kerana kesan yang akan diperolehi kepada keselamatan negara. Selain dari itu, penyelewengan dan rasuah juga tidak terkecuali telah menular kepada anggota ATM. Sebagai contohnya seorang pegawai kanan tentera ditahan rasuah RM 1 juta kerana terlibat dengan penyelewengan perubatan (Utusan Melayu, 9 hb Sep 2013). Begitu juga dengan kes penangkapan 5 pegawai Tentera Laut Di Raja Malaysia (TLDM) yang terlibat dengan suapan dan juga penyelewengan pembelian peralatan ketenteraan (Berita Harian, 11 Mac 2015). Selain dari itu, kes bunuh rakan setugas juga berlaku seperti yang dilaporkan oleh Harian Metro 29 Mei 2014 polis sedang memburu seorang anggota tentera yang dipercayai melepaskan tembakan sehingga menyebabkan seorang rakannya yang juga anggota komando ATM maut dalam kejadian di hadapan kedai



Pelbagai cadangan dan ulasan yang dikemukakan untuk mengurangkan kes-kes yang dilakukan oleh anggota ATM seperti aspek pencegahan dan pemantauan. Terdapat juga cadangan dari pihak Provos Marshal ATM (Buletin Cawangan Provos Marshal ATM, 2012) yang mencadangkan meningkatkan program kerohanian di kalangan anggota ATM agar dapat membina kekuatan rohani dan jasmani serta memperkuuhkan lagi semangat jatidiri dalam menangani salah laku jenayah di kalangan anggota ATM. Ini bermakna, selain Pendidikan Ketenteraan yang bersifat fizikal, Pendidikan Ketenteraan yang berbentuk kerohanian juga perlu dipertingkatkan bagi mengurangkan kes-kes salah laku jenayah yang dilakukan oleh anggota ATM (Zahimi Zainol Abidin, 2011).

